

# Gagal dapat hak milik strata

Mahkamah tolak permohonan penduduk Taman Chi Liung dengan kos RM30,000

■ TUAN BUGHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**SHAH ALAM** - Hasrat 951 penduduk Taman Chi Liung, Pandamaran Klang untuk mendapatkan hak milik strata ke atas rumah flat yang didiami mereka sejak 23 tahun lalu tidak kesampaian selepas mahkamah tinggi, semalam menolak tuntutan mereka dengan kos RM30,000.

Keputusan itu dibuat oleh Hakim Hadhariah Syed Ismail selepas mendapati alasan perjanjian antara pemaju perumahan dan pihak bank tidak kukuh.

"Mahkamah mendapati, pihak bank tidak pernah bersetuju menerima bayaran RM837,000 yang dibuat oleh pemaju perumahan yang mewakili penduduk sebagai bayaran penuh pinjaman rumah berkenaan bagi mendapatkan hak milik strata," katanya.

Menurutnya, defendan berjaya membuktikan wang bayaran tersebut adalah sebagai bayaran unit

rumah yang tidak terjual.

"Mahkamah tidak boleh menukar atau mengubah perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak namun mahkamah melihat kepada bukti-bukti yang sedia ada," katanya.

Plaintif, Chi Liung Holdings Sdn Bhd menerusi penyata tuntutan bertarikh 1 Mac 2013, menuntut satu deklarasi agar defendan menyerahkan semua dokumen berkaitan geran tanah termasuk salinan asal perjanjian pinjaman bertarikh 23 September 1985 kepadanya.

Turut dipohon, faedah atau apa-apa perintah relief yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Peguam, Datuk V Sivarapanjothi mewakili pemaju perumahan itu manakala Chan Kok Keong dilantik sebagai peguam Alliance Investment Bank Berhad.

Seramai 50 penduduk flat tersebut hadir ke mahkamah semalam untuk mendengar keputusan tersebut.



V Siva Paranjothi (dua, kiri) menerangkan kepada penduduk tentang keputusan mahkamah sambil membelek dokumen "Sales And Purchase Agreement" selepas mereka gagal di mahkamah tinggi, semalam.